**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| TAJUK : **BAYARAN BALIK PEMBELIAN ALAT KOMUNIKASI MUDAH ALIH** | |
|---|---|
| TARIKH KEMASKINI : **31 DISEMBER 2020** | MUKASURAT : **1/6** |

| Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|
| Bayaran Balik Pembelian Alat Komunikasi Mudah Alih | **<u>Takrifan</u>**<br><br>Alat komunikasi mudah alih bermaksud sebarang alat mudah alih yang dilengkapi sekurang-kurangnya dua (2) ciri asas komunikasi iaitu menerima/membuat panggilan dan sistem pesanan ringkas (SMS).<br><br>Ketua Jabatan bermaksud ketua bagi sesebuah Jabatan termasuk ketua di peringkat daerah, negeri, wilayah, cawangan dan bahagian yang ditetapkan oleh Pegawai Pengawal masing-masing<br><br>Pegawai di Pejabat Anggota Pentadbiran bermaksud Ketua Setiausaha Sulit, Timbalan Ketua Setiausaha Sulit, Setiausaha Sulit Kanan, Pegawai Khas, Pegawai Tugas-tugas Khas, Pengarah/Pengurus Sistem Pengurusan Maklumat, Penolong Pegawai Khas, Penolong Pegawai Tugas-tugas Khas, Setiausaha Sulit, Setiausaha Akhbar, Pegawai Kanan Perhubungan Awam, Pegawai Penerangan dan Penolong Setiausaha Akhbar kepada Anggota Pentadbiran. | PP WP 2.2 Perenggan 2.1 |
| | <u>Kelayakan Kemudahan Bantuan Pembelian Sebuah Alat Komunikasi Mudah Alih</u><br><br>Pegawai yang layak mendapat kemudahan bantuan pembelian sebuah alat komunikasi mudah alih untuk kegunaan rasmi adalah seperti berikut:<br><br>i. Pegawai Kumpulan Pengurusan dan setaraf;<br><br>ii. Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 53/54 dan setaraf;<br><br>iii. Pegawai-pegawai di Pejabat Anggota Pentadbiran;<br><br>iv. Juruiring/Pengiring Rapat/Pengawal Peribadi yang dikhaskan kepada Anggota Pentadbiran dan pegawai lain yang layak disediakan dengan Juruiring/Pengiring Rapat/Pengawal Peribadi; | PP WP 2.2 Perenggan 3.1 |

| Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|
| Bayaran Balik Pembelian Alat Komunikasi Mudah Alih | v. Pemandu Kereta Rasmi Jawatan kepada Anggota Pentadbiran dan Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi Gred Utama B/ Khas A dan ke atas atau yang setaraf; dan<br><br>vi. Pegawai yang tertakluk kepada kelulusan Pegawai Pengawal atau pegawai yang diberi kuasa oleh Pegawai Pengawal iaitu:<br><br>a. Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 47 hingga 52 dan setaraf yang menyandang jawatan Ketua Bahagian/Seksyen/Unit di peringkat Ibu Pejabat dengan syarat tugas mereka perlu membuat panggilan rasmi serta-merta; dan<br><br>b. Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 dan ke atas yang memegang jawatan Ketua Jabatan/Cawangan di Jabatan Persekutuan peringkat zon/negeri dengan syarat tugas mereka perlu membuat panggilan rasmi serta-merta.<br><br>**1. Tuntutan Kemudahan Bantuan Pembelian Alat Komunikasi Mudah Alih**<br><br>Pastikan kenyataan tuntutan kemudahan bantuan pembelian alat komunikasi mudah alih dan dokumen sokongan disertakan seperti berikut:<br><br>1.1 Borang tuntutan;<br><br>1.2 Kelulusan Pegawai Pengawal atau pegawai yang diberi kuasa oleh Pegawai Pengawal;<br><br>1.3 Resit pembelian; dan<br><br>1.4 Salinan tempoh jaminan kerosakan alat atas nama pegawai. | Lampiran A<br><br>PP WP 2.2 Perenggan 3.1.6 dan Perenggan 3.3.2 |

| Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|
| Bayaran Balik Pembelian Alat Komunikasi Mudah Alih | **2. Sijil AP58(a)**<br><br>Semak bulan dan tahun kewangan, jika bukan tahun semasa pastikan Sijil AP58(a) disertakan dan memenuhi syarat berikut:<br><br>2.1 Tuntutan hendaklah dibayar dalam tahun kewangan kelulusan AP58(a) diterima; dan<br><br>2.2 Baki peruntukan dalam tahun kewangan perbelanjaan sepatutnya dibayar dan baki peruntukan tahun semasa adalah mencukupi.<br><br>Sekiranya syarat AP58(a) tidak dipatuhi, pastikan surat kelulusan Perbendaharaan disertakan (jika berkaitan). | AP58(a) |
| | **3. Syarat Dan Peraturan Bantuan Pembelian Alat Komunikasi Mudah Alih**<br><br>Pastikan syarat dan peraturan bantuan pembelian alat komunikasi mudah alih dipatuhi seperti berikut:<br><br>3.1 Jenama/model, harga belian, tarikh dibeli, nombor siri telefon, nombor resit pembelian dan tuntutan bantuan;<br><br>3.2 Kemudahan ini layak dipohon oleh pegawai setiap dua (2) tahun. Permohonan baru hanya boleh diluluskan selepas dua (2) tahun dikira mulai tarikh kelulusan sebelumnya tertakluk kepada kelulusan Pegawai Pengawal atau pegawai yang diberi kuasa oleh Pegawai Pengawal; | PP WP 2.2 Perenggan 3.3.1 |

| Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|
| Bayaran Balik Pembelian Alat Komunikasi Mudah Alih | 3.3 Kadar maksimum bantuan pembelian alat komunikasi mudah alih termasuk aksesori adalah seperti berikut: | PP WP 2.2 Perenggan 3.2 |

| Pegawai | Kadar (termasuk aksesori) |
|---|---|
| Turus III dan ke atas/setaraf serta Ketua Setiausaha Kementerian | RM 2,500.00 |
| Gred Utama/Khas C hingga A dan setaraf | RM 2,000.00 |
| Pegawai di Pejabat Anggota Pentadbiran | RM 2,000.00 |
| Gred 53 dan 54 | RM 1,000.00 |
| Gred 41 hingga 52 | RM 750.00 |
| Juruiring/ pengiring rapat/ pengawal peribadi dan pemandu kereta rasmi jawatan | RM 375.00 |

| Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|
| | 3.4 Kelulusan bantuan ini hendaklah dicatatkan dalam Buku Kenyataan Perkhidmatan pegawai; | PP WP 2.2 Perenggan 3.3.3 |
| | 3.5 Alat komunikasi mudah alih tersebut adalah milik pegawai berkenaan dan tidak perlu direkodkan dalam Daftar Harta Modal atau Daftar Inventori; dan | PP WP 2.2 Perenggan 3.3.4 |
| | 3.6 Sekiranya berlaku kerosakan atau kehilangan, Pegawai Pengawal perlu memastikan punca kerosakan/kehilangan tersebut dengan mengambil tindakan seperti berikut: | |

| Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|
| Bayaran Balik Pembelian Alat Komunikasi Mudah Alih | 3.6.1 Sekiranya kerosakan/kehilangan disebabkan oleh kecuaian pegawai, pegawai hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas alat komunikasi mudah alih tersebut dan tidak layak menuntut bantuan pembelian alat yang baru dalam tempoh dua (2) tahun; atau | PP WP 2.2 Perenggan 3.3.5 |
| | 3.6.2 Sekiranya kerosakan/kehilangan bukan disebabkan oleh kecuaian pegawai, kerajaan akan menanggung kos pembaikan atau pegawai layak mendapat bantuan pembelian kemudahan yang baru:<br>i. Bagi tujuan pembelian gantian, Pegawai Pengawal tidak boleh menurunkan kuasa kepada pegawai lain untuk memberi kelulusan; dan<br>ii. Pastikan resit bagi kos pembaikan disertakan. | PP WP 2.2 Perenggan 5.1.7 |
| | **4. Hal-hal Lain** | |
| | 4.1 Alat komunikasi mudah alih yang dibekalkan boleh ditawarkan kepada pegawai selepas dua (2) tahun mulai dari tarikh kemudahan tersebut dibeli; | PP WP 2.2 Perenggan 6.2 |
| | 4.2 Alat komunikasi mudah alih yang dibekalkan belum genap tempoh dua (2) tahun, boleh ditawarkan kepada pesara. | PP WP 2.2 Perenggan 6.4 |

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| **TAJUK : BAYARAN BALIK PEMBELIAN ALAT KOMUNIKASI MUDAH ALIH** | |
|---|---|
| TARIKH KEMASKINI : **31 DISEMBER 2020** | MUKASURAT : **6/6** |

| Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|
| Bayaran Balik Pembelian Alat Komunikasi Mudah Alih | 4.3 Harga yang ditetapkan bagi kemudahan tersebut adalah seperti berikut: | PP WP 2.2<br>Perenggan 6.3 |

| Nilai Alat Komunikasi | Kadar Harga Jualan |
|---|---|
| RM1,000 ke atas | RM 100.00 |
| RM500 hingga RM1,000 | RM 75.00 |
| Kurang daripada RM500 | RM 50.00 |

| | | |
|---|---|---|
| | **5. Kod Akaun**<br><br>Semak sama ada kod akaun yang dipertanggungkan ke atas arahan pembayaran adalah menggunakan kod B0115110. | PP PS 1.1 |

**LAMPIRAN A**

**Contoh Pengisian Borang Tuntutan Bayaran Alat Komunikasi Mudah Alih:-**

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia

WP 2.2/2013 Lampiran A

Permohonan Ke 2

**LAMPIRAN A**

| MAKLUMAT PEGAWAI YANG MEMOHON | |
|---|---|
| Nama (Huruf Besar) | : SITI ROHAYAH BINTI SULAIMAN |
| No. Kad Pengenalan | : 740325 - 03 - 5644 |
| Gred/ Kategori/ Kumpulan | : UD 54 |
| Jawatan | : PAKAR ANESTESIOLOGI |
| Jabatan/ Bahagian | : ANESTESIOLOGI DAN RAWATAN RAPI HRPB |

| MAKLUMAT ALAT KOMUNIKASI MUDAH ALIH YANG DIBELI | |
|---|---|
| Jenama/ Model: iPhone 6S plus | No. Siri Telefon: C34QJ1SGGRXS |
| Harga Belian: RM 3010.00 | No. Resit Pembelian: CS 1510 / 080 |
| Tarikh Dibeli: 26. 10. 2015 | Tuntutan Bantuan: RM 1000.00 |

**PENGAKUAN**

Saya mengaku bahawa :

i. [✓] telah menggunakan alat komunikasi mudah alih melebihi dua (2) tahun*; ATAU

[ ] ~~kerosakan/ kehilangan alat komunikasi mudah alih bukan disebabkan oleh kecuaian saya*;~~

ii. [✓] tuntutan ini dibuat mengikut kadar dan syarat yang ditetapkan di bawah peraturan berhubung alat komunikasi mudah alih yang sedang berkuat kuasa; dan

iii. [✓] semua butir-butir tuntutan yang dinyatakan di atas adalah benar.

*pilih yang berkenaan.

Tarikh: 29/10/15

DR. SITI ROHAYAH BT SULAIMAN
NO. MMC: 30607
Pakar Anestesiologi
Jabatan Anestesiologi & Rawatan Rapi
Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh

Tandatangan Pemohon

CONTOH

**PENGESAHAN BAHAGIAN PENGURUSAN**

Permohonan ini telah disemak dan disahkan bahawa tuntutan tersebut:

~~(a)~~ memenuhi peraturan sebagaimana kelayakan pegawai dan disyorkan diluluskan; atau

(b) tidak memenuhi syarat di bawah WP 2.2/2013 dan disyorkan ditolak kerana:

..........................................................................................

..........................................................................................

Tarikh : 5-11-2015

Tandatangan : ..........

Nama/ Jawatan : AIDA RAFILA BT RUSMAHINI
Ketua Penolong Pengarah (Pengurusan)
Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh

**KEPUTUSAN BAHAGIAN PENGURUSAN**

Permohonan ini diluluskan/ tidak diluluskan.

Tarikh : ..........................

Tandatangan : ..........................

Nama/ Jawatan : ..........................

** pegawai di perenggan 3.6 adalah tertakluk kepada kelulusan Pegawai Pengawal/ pegawai yang diberi kuasa

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BAHAGIAN KEWANGAN
Aras 6-7, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8883 3269/3099/3362
Faks : 03-8883 4389/4364/4395
Web : http://finance.moh.gov.my

QUALITY SYSTEM SIRIM — STANDARDS
PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008 NO. SIJIL: AR 5597

Bil(69)dlm.KKM-58/700/7-2
Jld.13
21 Mac 2013

DITERIMA
18 APR 2013
J.K.N. PERAK

Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
**30590 Ipoh, Perak**
(u.p : Encik Ganesh Babu Devar A/L Kuppan)

Tuan,

**KELULUSAN PERMOHONAN KEMUDAHAN TUNTUTAN PEMBELIAN ALAT KOMUNIKASI MUDAH ALIH BAGI PEGAWAI-PEGAWAI DI JABATAN KESIHATAN NEGERI PERAK**

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada surat tuan mengenai perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa permohonan kemudahan tuntutan pembelian alat komunikasi mudah alih bagi pegawai-pegawai di **Jabatan Kesihatan Negeri Perak** seperti **Lampiran A** adalah diluluskan. Kelulusan ini tertakluk kepada kelayakan masing-masing mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh Perbendaharaan. Bagi tujuan bayaran balik caj panggilan bulanan bil [illegible] hendaklah disertakan bersama bagi tujuan tersebut. Kelulusan ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh surat ini dikeluarkan.

CONTOH

3. Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2013, semua talian yang layak mendapat kemudahan bayaran balik diwajibkan menggunakan kaedah *e-billing* atau bil atas talian. Kelulusan ini hendaklah direkodkan dalam Buku Perkhidmatan Pegawai.

4. Bagi pegawai yang terdiri dari Gred 54 dan ke bawah, dengan kelulusan ini maka secara automatiknya kemudahan talian rasmi di rumah dan pager bagi pegawai berkenaan dibatalkan (Jika ada). (PP 3/2001 para 3 (i)). Sila pastikan bil bayaran talian rasmi di rumah atau pager tidak lagi dituntut atau dibayar.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**( ZAINATUNNISA BINTI FAKURAZI )**
Bahagian Kewangan
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia
☎ 03-8883 2406 ✉ zainatunnisa@moh.gov.my

AIDA RA...LA BT RUSMAHINI
Ketua Penolong Pengarah (Pengurus...
Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipo...

DITERIMA

LAMPIRAN B

LAMPIR[illegible] 'A

**KELULUSAN KEMUDAHAN TUNTUTAN PEMBELIAN ALAT KOMUNIKASI MUDAH ALIH BAGI PEGAWAI-PEGAWAI DI JABATAN KESIHATAN NEGERI PERAK**

| BIL. | NAMA PEGAWAI YANG MEMOHON | JAWATAN/ GRED | TEMPAT BERTUGAS | KELAYAKAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | ALAT KOMUNIKASI MUDAH ALIH (RM) | TUNTUTAN CAJ PANGGILAN (RM) |
| 1 | Dr. Subashini A/P Ambigapathy | Pakar Perubatan Keluarga/ UD54 | Klinik Kesihatan Taiping | 1,000.00 | 200.00 |
| 2 | Dr. Siti Rohayah Binti Sulaiman | Pakar Anestesiologi/ UD54 | Hospital Raja Permaisuri Bainun | 999.00 | 200.00 |

CONTOH

..........................................................

**(ZAINATUNNISA BINTI FAKURAZI)**
Ketua Penolong Setiausaha (D)
Bahagian Kewangan KKM

Tarikh : 21/3/2013

LAMPIRAN B

**JABATAN KESIHATAN NEGERI,**
**PERAK DARUL RIDZUAN,**
**JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB,**
**30590 IPOH.**

Telefon : 05-2456000
No. Faks : 05-2535660
Laman Web : http://jknperak.moh.gov.my
E-mel : jknperak@moh.gov.my

TERIMA 14 DEC 2015 HRPB IPOH

Ruj.Kami : Bil(71 )JKN.PK.32/5 Jld.25
Tarikh : 11 Disember 2015

Pengarah
Hospital Raja Permaisuri Bainun
Ipoh
**PERAK DARUL RIDZUAN**

Tuan,

**KELULUSAN PERMOHONAN KEMUDAHAN TUNTUTAN PEMBELIAN ALAT KOMUNIKASI MUDAH ALIH**

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa permohonan kemudahan tuntutan pembelian alat komunikasi mudah alih dari **Dr. Siti Rohayah Binti Sulaiman,** Pakar Anestesiologi Dan Rawatan Rapi, Gred UD54 adalah diluluskan. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada had perolehan alat komunikasi mudah alih sebanyak RM1000.00 sahaja termasuk aksesori dan tuntutan bil maksimum tidak melebihi RM200.00 sebulan. Bagi tujuan bayaran balik caj panggilan bulanan, bil telefon hendaklah disertakan bersama bagi tujuan tersebut. Kelulusan ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

CONTOH

3. Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP2.2/2013,semua talian alat komunikasi mudah alih yang ditanggung oleh kerajaan adalah diwajibkan menggunakan kaedah e-billing atau bil atas talian. Walaubagaimanapun, mereka yang ditempatkan di kawasan-kawasan pendalaman yang tidak mempunyai akses kepada internet adalah dikecualikan..

4. Kelulusan ini hendaklah direkodkan dalam Buku Perkhidmatan Pegawai.

5. Kerjasama dan perhatian tuan berhubung perkara di atas amat dihargai..

Sekian,terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(GANESH BABU DEVAR A/L KUPPAN)**
Ketua Penolong Pengarah (Kewangan)
b.p:.Pengarah Kesihatan Negeri
Perak Darul Ridzuan.

| KETUA UNIT | UNTUK |
|---|---|
| Sumber Manusia | ✓ TINDAKAN |
| Teknologi Maklumat | MAKLUMAN |
| ✓ Perolehan [illegible] | PERBINCANGAN |
| [illegible] | EDARAN |
| [illegible] | FAIL |
| | Catatan : |

14/12/15
AIDA RAHILA BT RUSMAHIM
Ketua Penolong Pengarah (Pengurusan)
Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh

RECEIVED

cc Nooraipi,
utk tindakan.
15/12/15

"PENYAYANG, PROFESIONALISME DAN KERJA BERPASUKAN ADALAH BUDAYA KERJA KITA"

Intertek

SALINAN DIAKUI SAH
MAZLINA BT AHMAD
PEMBANTU TADBIR N22 (KUP)
HOSPITAL RAJA PERMAISURI BAINUN, IPOH
16/12/15

**LAMPIRAN C**

**METRO DOTCOM SDN BHD** *(560642-K)*

*GST NO:000479756288*

71, JALAN SULTAN ABDUL JALIL, 30300 IPOH, PERAK D.R

Tel : 05-2418818 Fax : 05-2551251

## TAX INVOICE

: **700-C001**
**CASH SALES**

SITI ROHAYA BINTI SULAIMAN

GST REG NO.

TEL: FAX:

Attn:

**NO.** : **CS1510/080**
DATE : 26/10/2015
REF. :
SALESMAN : MACY
PAGE : 1 of 1

CONTOH

| DE | DESCRIPTION | QTY | UOM | U.PRICE | DISC | TAXABLE AMT. | RATE | AMT. | NET AMT. |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| PHONE 6S PLUS-6 | I PHONE 6S PLUS-64GB-ROSE GOLD | 1 | UNIT | 2,840.00 | | 2,840.00 | 6% | 170.40 | 3,010.40 |

**LAMPIRAN D**

HOSPITAL RAJA PERMAISURI BAINUN,
JALAN HOSPITAL,
30990 IPOH,
PERAK DARUL RIDZUAN.

Telefon : 05 - 208 5000
No Fax : 05 - 253 1541

Ruj. Kami : Bil (73 )HRPB/176 Jld.9
Tarikh : 5 November 2015

Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri
Perak Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30590 Ipoh
**PERAK DARUL RIDZUAN**
**(u.p: Unit Kewangan Dan Akaun)**

Tuan,

**PERMOHONAN KELULUSAN PEMBELIAN ALAT KOMUNIKASI MUDAH ALIH**
**NAMA : DR. SITI ROHAYAH BINTI SULAIMAN**
**NO. K/P : 740325-03-5644**
**JAWATAN : PAKAR ANESTESIOLOGI UD54**

CONTOH

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Dengan ini disahkan bahawa Dr. Siti Rohayah Binti Sulaiman menggunakan alat komunikasi mudah alih melebihi dua (2) tahun. Kelulusan pembelian telefon bimbit terdahulu Dr. Siti Rohayah Binti Sulaiman adalah pada 21.03.2015 (salinan surat kelulusan dikepilkan).

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(AIDA RAHILA BT. RUSMAHINI)**
Ketua Penolong Pengarah (Pengurusan)
b.p. Pengarah Hospital
Hospital Raja Permaisuri Bainun,
Ipoh

s.k.: Fail Timbul

ZW/mt